



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

LOGO 'SAYANGI MALAYSIAKU' ORANG RAMAI DIJEMPUT MENYUMBANGKAN CIPTAAN KREATIF

PUTRAJAYA, 13 JUN 2018 – Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) mengalu-alukan orang ramai untuk menyumbangkan idea kreatif melalui ciptaan logo bersempena Hari Kebangsaan tahun 2018. Logo yang terpilih akan digunakan sebagai logo rasmi bagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun 2018 yang bertemakan '**Sayangi Malaysiaku**'.

Orang ramai yang berminat boleh menghantar logo ciptaan menerusi laman Facebook **Merdeka 360** atau laman sesawang **malaysiamerdeka.my**. Sertakan maklumat peribadi seperti nama, nombor telefon dan e-mel di kapsyen logo berserta rasional logo tersebut. Tarikh tutup penyertaan adalah sebelum atau pada **7 Julai 2018**.

Orang ramai juga digalakkan untuk mengemukakan cadangan dan idea bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini. Cadangan tersebut boleh disalurkan ke laman Facebook dan laman sesawang seperti yang dinyatakan di atas. Penyertaan orang ramai dalam ciptaan logo dan cadangan sambutan ini diharap dapat menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa bagi menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun 2018.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Urus Setia
Logo Sayangi Malaysiaku
Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 5, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
No.49, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
Telefon : 016-358 5004 (Abdul Rahman Abdul Raof)
013-399 1200 (Aida Mustafa)
E-mel: harikebangsaanmalaysia@gmail.com

###

Disediakan oleh	:	Jawatankuasa Media dan Publisiti Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2018 Aras 10, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia No. 49, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya
Telefon	:	03-8911 7381
Faks	:	03-8911 7525
E-mel	:	sayangimalaysiaku2018@gmail.com
Tarikh dikeluarkan	:	13 Jun 2018